

FALSAFAH KETUHANAN DALAM HIKAYAT HAYY IBN YAQZAN

Mohd Shafie Bin Zulkifli
mohdshafie@kuis.edu.my

Muhammad Bin Hashimee
muhammad@kuis.edu.my

Diyak Ulahman Bin Mat Saad
[*diyakulahman@kuis.edu.my*](mailto:diyakulahman@kuis.edu.my)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Salah satu karya yang dianggap kekuatan sastra Andalusia ialah Hikayat Hayy ibn Yaqzan, sebuah karya sastra ilmiah dan sekaligus juga merupakan alegori sufi bercorak falsafah. Novel ini dikarang oleh Ibn Tufayl, seorang ahli falsafah, ilmuwan, ahli perubatan dan sasterawan besar Andalusia (Sepanyol Arab). Hayy ibn Yaqzan adalah novel falsafah, alegori falsafah, atau alegori sufi bercorak falsafah, yang ditulis dalam bentuk ‘science fiction’. Dalam novel ini beliau mengungkapkan pandangan falsafahnya tentang alam semesta, epistemologi falsafah ilmu pengetahuan tentang Tuhan, agama, moral, manusia dan watak-wataknya, dalam bentuk bahasa sastra yang bermutu tinggi dan cemerlang. Dalam karya Ibn Tufayl ini menerapkan beberapa ‘subtopic’ tersirat antaranya tentang ketuhanan. Penciptaan dunia yang lambat laun itu mensyaratkan adanya satu pencipta yang mesti bersifat agung kerana kejadian dan penciptaan dunia dan seisinya diciptakan oleh satu pencipta. Dunia tidak boleh wujud dengan sendirinya, pasti dan harus ada penciptanya. Jika Tuhan bersifat material, maka akan membawa suatu kemunduran yang tiada akhir. Oleh kerana itu, Dia bersifat immaterial, maka kita tidak bisa mengenaliNya melalui pancaindera manusia atau melalui imaginasi kerana imaginasi hanya menggambarkan hal-hal yang dapat digambarkan oleh pancaindera. Unsur ini dijadikan sebagai ‘subtopic’ tersirat oleh Ibn Tufayl dalam karya agungnya “Hayy Ibn Yaqzan”.

Kata Kunci: *Falsafah, Ketuhanan, Hayy Ibn Yaqzan*

PENGENALAN

Ilmu falsafah yang istimewa ini cuba menjawab masalah-masalah yang tidak dapat dijawab oleh ilmu pengetahuan biasa kerana masalah-masalah tersebut di luar jangkauan ilmu pengetahuan biasa dan inilah yang merupakan pengertian dari definisi falsafah.

Falsafah Islam merupakan satu ilmu yang di pelajari dengan ajaran Islam dalam membahas hakikat kebenaran segala sesuatu.

Dalam kajian ini, pengkaji cuba menjelaskan tokoh falsafah, yakni Ibnu Thufail mengenai riwayat hidup dan karyanya, pandangan falsafah yang didalamnya terdapat pemikiran, jiwa dan hubungkait antara falsafah dan agama yang akan dihidangkan dalam bab seterusnya.

Islam telah memandu ummat dengan sistem ketuhanan yang menekankan keesaan tuhan (tauhid) dan syariah terlebih dahulu sebelum falsafah Yunani sedikit sebanyak mempengaruhi dunia Islam^[1] Begitu dominannya pandangan tauhid dan syariah ini, sehingga tidak ada suatu sistem pun termasuk falsafah dapat diterima kecuali sesuai dengan tauhid dan pandangan syariah Islam.

Walaupun begitu, bukan berarti umat Islam anti terhadap falsafah. Hal ini terbukti dengan lahirnya beberapa orang ahli falsafah muslim yang memiliki minda yang terbuka dalam bidang pemikiran falsafah tanpa terpengaruh oleh Platonisme dan Aristotelisme^[2]. Bahkan, ahli falsafah muslim mampu melakukan kritikan terhadap beberapa pandangan falsafah-falsafah Yunani tersebut serta memberikan solusi yang mencerahkan dunia pemikiran.

Setiap ahli falsafah muslim tersebut memiliki titik fokus dan cara berfalsafah yang menarik untuk dikaji. Di antaranya terdapat nama Ibnu Thufail. Ahli falsafah muslim ini berupaya menyajikan falsafah dalam bentuk yang unik. Melalui sebuah karya berbentuk hikayat atau novel, beliau cuba menampilkan unsur falsafah yang sangat berbeza juga difahami oleh sebahagian orang. Beliau mewujudkan falsafah dalam bentuk sebuah karya yang ringan sehingga boleh dibaca kepada ahli keluarga ketika sedang berehat dari rutin harian. Hayy ibn Yaqzan, itulah hikayat karya Ibnu Thufail yang monumental yang masih dapat kita nikmati hingga sekarang.

Pada kajian ini, penulis akan menyajikan tentang pemikiran Ibnu Thufail melalui hikayat Hayy Ibn Yaqzan. Dimulakan dengan biografi dan disertai dengan nilai-nilai yang terdapat dalam hikayat Hayy Ibn Yaqzan.

Biografi

Ahli falsafah muslim belahan barat ini hidup pada zaman pemerintahan daulah Muwahhidun. Nama lengkap Ibnu Thufail ialah Abu Bakar Muhammad ibnu ‘Abd Al-Malik ibnu Muhammad ibnu Muhammad ibnu Thufail. Beliau dilahirkan di Cadix, provinsi Granada, Spanyol pada tahun 506 H/1110 M dan meninggal di kota Marraqesh, Morocco pada tahun 581 H/1185 M. Ibnu Thufail berketurunan keluarga suku Arab terkemuka, Qais. Dalam bahasa latin ia terkenal dengan panggilan Abu Bacer. Sebagai seorang yang berketurunan suku Qais, beliau dengan mudah mendapat kemudahan pembelajaran, apatah lagi kecintaanya kepada buku-buku dan ilmu pengetahuan mengalahkan cintanya kepada sesama manusia.

Sebagaimana ahli-ahli falsafah Muslim di masanya begitu juga ahli-ahli falsafah yunani, Ibnu Thufail juga memiliki disiplin ilmu dalam pelbagai bidang. Selain sebagai ahli falsafah, ia juga ahli dalam ilmu perubatan, matematik, astronomi dan penyair yang sangat terkenal dari zaman pemerintahan Al-Muwahhid Spanyol. beliau memulai kariernya sebagai doktor perubatan di Granada. Akhir perkhidmatannya sebagai doktor, beliau dilantik menjadi setiausaha gabenor di daerah itu. Kemudian, beliau dilantik menjadi doktor peribadi Abu Yusuf Ya’qub al-Manshur, khalifah daulah Muwahhidin (1163-1184 M), merangkap sebagai menteri.

Pada zaman Khalifah Abu Ya’qub Yusuf, Ibnu Thufail mempunyai pengaruh besar dalam pemerintahan. Pada pihak lain, Khalifah sendiri pencinta ilmu pengetahuan dan secara khusus adalah peminat falsafah serta memberi kebebasan berfalsafah. Sikapnya itu menjadikan pemerintahannya sebagai pembuka pemikiran falsafah dan membuat Spanyol, seperti dikatakan R. Briffault, sebagai “tempat kelahiran kembali negeri Eropah.” Adapun kedudukan Ibnu Thufail adalah pakar dalam pemikiran falsafah dan ilmiah (*sains*) tersebut.

Semasa hayat Ibnu Thufail sering menerima penghargaan dari khalifah. Ketika meninggal dunia pun, khalifah ikut menghadiri upacara pemakamannya. Karya penulisan beliau yang masih

wujud hingga sekarang ialah *hayy ibn Yaqzan* (Roman *Philosophique*), yang judul lengkapnya *hayy ibn Yaqzan fi Asrar al-Hikmat al-Masyriqiyyah*.

Falsafahnya

Untuk menonjolkan pandangan-pandangan falsafah, Ibnu Thufail memilih pendekatan khusus dalam bentuk kisah falsafah, dengan bukunya yang terkenal *Hayy Ibn Yaqzan*. Kisah ini ditulis oleh Ibnu Thufail sebagai jawapan atas permintaan seorang sahabatnya yang ingin mengetahui hikmah ketimuran (*al-Hikmah al-Masyriqiyyat*). Selain itu berat dugaan tulisan Ibnu Thufail ini erat kaitannya dengan serangan Al-Ghazali terhadap dunia falsafah. Di kala itu, orang-orang takut berfalsafah dan usaha-usaha pada falsafah Muslim yang telah mendamaikan falsafah dengan agama telah tenggelam. Juga buku-buku falsafah yang selama ini hanya untuk orang-orang tertentu, sekarang telah dapat pula difahami oleh orang-orang awam. Oleh kerana itu, amat logik buku Ibnu Thufail ini ingin menjernihkan keadaan dan ingin mengembalikan falsafah ke tempat yang asal, iaitu falsafah bukanlah “barang” haram. Pada sisi lain, agar falsafah dapat difahami oleh orang-orang awam, falsafah dikomunikasikan melalui kisah yang amat menarik. Biasanya komunikasi melalui kisah (cerita), diminati, dan mudah diterima. Dengan demikian, bila hal ini dapat diterima, tujuan yang hendak dicapai Ibnu Thufail melebihi serangan Al-Ghazali, yakni ingin memasyarakatkan falsafah.

Dalam kisah dapat dilihat pendirian Ibnu Thufail tentang hubungan manusia dengan Allah, manusia dengan manusia, manusia dengan alam sekitarnya, dan hubungan antara akal dan agama. Itulah yang menunjukkan Ibnu Thufail amat menitik beratkan falsafah ketuhanan dalam karyanya.

Sebelum menulis kisah ini, Ibnu Thufail telah mendalami pandangan falsafah-falsafah muslim sebelumnya. Hal ini terbukti dengan adanya kritik-kritik yang ia lontarkan terhadap Ibnu Bajjah, Al-Farabi, Ibnu Shina dan Al-Ghazali.

Ibnu Bajjah ia nilai tidak berpandangan jauh, membangun falsafah hanya atas dasar kaedah-kaedah akal dan logik, sedangkan dasar pengalaman yang bersifat *kasyf ruhana* (tasawuf) tidak mendapat perhatian. Al-farabi beliau berpandangan bersifat ragu-ragu dan tidak memberikan kepastian dalam masalah-masalah falsafah, seperti dalam bukunya, *al-Millat al-Fadhilat* akan kekal selamanya dalam kesengsaraan sesudah mati, tetapi dalam bukunya *al-siyasat al madaniyyat*, ia nyatakan pula bahawa yang kekal hanya jiwa utama (*al-nufus al-fadhilat*). Ibnu Sina ia kritik sebagai ahli falsafah yang tidak konsisten. Ibnu Sina menulis kitab al-Syifa’ dan menyatakan berdasarkan mazhab Aristotles. Kata Ibnu Thufail, banyak hal yang disebut Ibnu Shina dalam al-Syifa’ tidak ada dalam buku aristotles. Disisi lain, gaya bahasa Ibnu Sina sering tidak difahami maksudnya. Al-Ghazali menurut Ibnu Thufail banyak menulis buku yang ditujukan bagi orang-orang awam. Akibatnya, ia mempunyai pendirian “dua muka” (munafik). Dalam buku *Tahafut al-Falasifat*, Al-Ghazali mengafirkan para falsafah Muslim yang berpendapat bahawa di akhirat nanti akan menerima pembalasan kesenangan (surga) atau kesengsaraan (neraka) adalah rohani semata. Namun, dalam buku *al-mizan dan al-munqiz min al dhalal*, ia membenarkan dan menerima pendapat para falsafah Muslim yang ia kafirkan itu. Ini bermakna Al-Ghazali telah memperbaiki pandangannya terhadap ahli falsafah.

Kisah Ringkas Hayy Ibn Yaqzan

Sebelum falsafah Ibnu Thufail dipaparkan lebih jauh, ada baiknya dikemukakan ringkasan kisah *Hayy Ibn Yaqzan* sebagai berikut:

Di kepulauan India ada sebuah pulau yang tidak dihuni manusia. Pulau itu sepi dan terpencil, beriklim sedang dan teletak di garisan khatulistiwa yang mengikut dakwaan Harun Nasution dikatakan di Kepulauan Indonesia. Pendapat ini ada benarnya kerana Kepulauan Indonesia melewati garisan Khatulistiwa. Selain itu, kebiasaannya orang dahulu menyebut Kepulauan Timur ini dengan Kepulauan India. Di pulau ini lahir seorang bayi secara normal, tanpa ayah dan ibu. Bermakna tulisan Ibnu Thufail ini menyokong teori evolusi.

Riwayat lain menyebut seorang perempuan telah berkahwin secara rahsia dengan seorang laki-laki dan dikurniakan seorang bayi lelaki. Oleh kerana takut kepada kakaknya yang menjadi raja ditempat itu, perempuan ini memasukkan bayinya ke dalam peti dan melemparkannya ke laut. Dengan hempasan ombak, peti itu tersangkut di pulau terpencil yang tidak dihuni manusia. Bayi yang dimaksud adalah Hayy. Seekor rusa yang anaknya baru saja mati segera mendekati peti. Peti yang ada dalam peti itu ia merasakan seperti anaknya. Seperti kebiasaan seorang ibu, rusa menyusui bayi itu dan sebaliknya bayi itu memandang rusa yang menyusunya sebagai ibunya.

Hayy membesar dengan sihat. Seiring dengan pertumbuhan jasmaninya, jiwa dan pemikirannya semakin berkembang. Dia memerhatikan dan mula berfikir tentang segala sesuatu yang ada disekitarnya. Dia menemukan cara memenuhi keperluan hidupnya. Perasaan dan fikirannya mendorong untuk mengambil keputusan bahawa kemaluannya perlu ditutup. Lebih daripada itu dia mampu menggunakan akalinya begitu sehingga dapat memahami hakikat alam sekeliling dan mampu berfikir hal-hal yang bersifat rohani. Berkat rahmat Allah dia memiliki kecerdikan yang luar biasa. Pemikirannya Hayy yang mendalam tentang segala sesuatu yang dikenalpasti melalui pancainderanya, menimbulkan keyakinan bahawa adanya Allah, pencipta alam semesta. Keyakinan akan adanya Allah sebagai kebenaran yang hakiki, mendorong Hayy untuk berusaha berhubung dan dekat dengan-Nya. Melalui pemikiran ahli falsafah, dia mengetahui hakikat-hakikat alam. Dia pun memperoleh pengetahuan hakiki dan kebahagiaan yang sejati. Untuk mencapai maksud tersebut, dia melatih diri dengan berpuasa selama 40 hari di dalam sebuah gua. Dengan penuh kesungguhan (*ber-mujahadah*) dan keiklasan, dia berusaha membebaskan dirinya dari dunia semata-mata melalui kepercayaan penuh kepada Allah. Akhirnya dia memperolehi apa yang dia kehendaki iaitu ittihad (mengesakan Allah) atau *ittishal* (berhubungan langsung) dengan Allah secara berterusan. Ibnu Thufail berusaha menghiasi perkembangan teori manusia dari persepsi rasa yang masih kasar menjadi perkara yang indah tentang Allah.

Di saat dia berada dalam situasi dan pengalaman pengabdian diri kepada Allah, ia berjumpa dengan seorang lelaki yang bernama Absal. Absal datang dari suatu pulau yang tidak begitu jauh dari tempat tinggal Hayy. Absal mengira bahawa pulau dimana Hayy berada, tidak dihuni manusia dan dia rasa sesuai untuk mengasingkan diri dari masyarakat. Di pulau ini ia berusaha untuk menambah ketakwaan dan kesolehan. Hayy tidak memahami bahasa manusia. Setelah absal mengajarnya, keduanya berkomunikasi secara lancar, saling menceritakan pengalaman masing-masing, dan saling bertukar fikiran. Absal memberitahu Hayy tentang konsep-konsep Qur'ani, yang berkenaan dengan Allah, malaikat-malaikat, nabi-nabi dan lain-lain.

Melalui maklumat yang diperolehi dari Absal, Hayy menyedari bahawa metode falsafah yang dia miliki telah membawa dirinya ke peringkat pengetahuan dan ma'rifat yang selari dengan ajaran agama yang diceritakan Absal. dia pun tahu bahawa orang yang membawa keterangan dengan ucapan yang benar itu adalah rasul dan dia percaya kepadanya dan mengakui kerasulannya. Sebaliknya, Hayy juga menjelaskan pengalamannya dengan Allah kepada Absal. Keterangan Hayy ini memperkuat keyakinan Absal tentang ajaran agama yang diterimanya dan bertemulah

akal dan wahyu (*al-manqul wa al-ma'qul*) atas penerangan daripada Hayy yang memberitahu tentang ma'rifah hakiki yang dia dapat kepada penghuni pulau itu.

Pulau itu diperintah oleh seorang raja yang bernama Salman, sahabat Absal. Salman menerima ajaran agama seperti yang disampaikan nabi, dengan kata lain Salman lebih tertarik kepada makna zahir nash. Ia menyukai hidup ditengah masyarakat dan melarang orang lain untuk hidup menyepi, 'uzlah.

Setelah absal mengemukakan ilmu ma'rifat hakiki yang dialami Hayy, penduduk pulau itu menerima Hayy dengan hati yang terbuka. Namun, setelah Hayy menjelaskan pengetahuan dan pemikiran falsafahnya, ternyata penduduk mencemuhkannya. Hayy mendapat pelajaran dari pengalamannya bahawa orang awam tidak memahami dan tidak mampu menerima ma'rifat sejati. Ma'rifat hanya dapat dipahami oleh orang-orang khusus, yang dalam agama telah mencapai martabat lebih tinggi dibandingkan dengan orang awam. Orang awam tidak mampu menjangkau konsep-konsep murni. Hayy pun menyadari bahawa pergaulan membawa kerusakan bagi masyarakat dan untuk memperbaikinya sangat diperlukan ajaran agama yang dibawa oleh nabi. kerana nabilah yang paling mengenal jiwa manusia pada umumnya. Dia mohon maaf pada salman dan rakyatnya, dan mengakui kekeliruannya sendiri kerana memaksa mereka mencari makna yang tersembunyi dalam kitab suci al-quran. Pesan perpisahannya ialah mereka harus berpegang teguh kepada ketentuan hukum syariat yang telah mereka yakini selama ini. Mereka mengisi sisa umurnya dengan beribadah sepenuhnya kepada Allah.

Ajaran Falsafah Ibnu Thufail

Secara falsafahnya, karya Ibnu Thufail *Hay ibn Yaqzan* merupakan suatu penceritaan yang hebat tentang teori Ibnu Thufail mengenai pengetahuan, yang berupaya menyelaraskan Aristotles dengan Neo-Platonis di satu pihak, dan Al-Ghazali dengan Ibnu Bajjah dipihak lain. Al-Ghazali sangat kritis dan dogmatis terhadap rasionalismenya Aristotles, tetapi Ibnu Bajjah adalah pengikut sejati Aristotles. Ibnu Thufail, mengikuti jalan tengah merentasi jurang pemisah antara dua pihak itu. Sebagai seorang rasionalis, dia memihak Ibnu Bajjah dalam melawan Al-Ghazali dan mengubah tasawuf menjadi rasionalisme. Adapun sebagai seorang ahli tasawuf, dia memihak Al-Ghazali dalam melawan Ibnu Bajjah dan mengubah rasionalisme menjadi tasawuf.

Ketuhanan

Dengan akal, Hayy telah mengetahui adanya Allah. Dalam membuktikan adanya Allah, Ibnu Thufail mengemukakan tiga hujah sebagai berikut.

a. Pergerakan (*al-harakat*)

Gerak alam ini menjadi bukti tentang adanya allah, baik bagi orang yang menyakini alam baharu mahupun bagi orang yang menyakini alam kadim.

Bagi yang yang menyakini alam baharu (*hadist*), bermakna alam ini sebelumnya tidak ada, kemudian menjadi ada. Untuk menjadi ada mustahil dirinya sendiri mengadakan. Oleh kerana itu, mesti ada penciptanya. Pencipta inilah yang menggerakkan alam dari tidak ada menjadi ada, yang disebutnya dengan Allah. Sementara itu, bagi orang yang menyakini alam kadim, tidak berawal dan tidak berakhir. Kerana zaman tidak mendahuluinya, erti kata gerak ini tidak didahului oleh diam. Adanya gerak ini menunjukkan secara pasti adanya Penggerak (Allah).

Secara fakta, disinilah terletaknya keistimewaan hujah pergerakan yang digunakan oleh Ibnu Thufail yang dapat membuktikan wujudnya Allah, baik bagi orang yang menyakini alam

kadim maupun orang yang menyakini alam baharu. Bagi orang yang menyakini alam kadim, pergerakan ini berfungsi mengubah keadaan alam ini dari bentuk lain ke bentuk yang lain, erti kata mengubah satu bentuk ada kepada bentuk yang lain. Sementara itu, bagi orang yang menyakini alam baharu, pengerak ini berfungsi mengubah alam dari tidak ada menjadi ada. Argumen gerak ini sebagai bukti alam kadim dan baharunya belum pernah dikemukakan oleh falsafah muslim mana pun sebelumnya. Dengan hujah ini, Ibnu Thufail menguatkan hujahnya bahawa tanpa wahyu akal dapat mengetahui adanya Allah.

b. Keadaan dan Bentuk

Argumen ini didasarkan pada ilmu fizik dan masih ada kolerasinya dengan dalil yang pertama (*al-harakat*). Hal ini dikemukakan oleh Ibnu Thufail dalam kumpulan pokok pikiran yang terkait antara satu dengan yang lain seperti berikut.

1. Segala yang ada tersusun dari objek dan bentuk.
2. Setiap objek memerlukan bentuk.
3. Bentuk tidak mungkin mempengaruhi pengerak.
4. Segala yang ada (*maujud*) untuk bergerak memerlukan pencipta.

Dengan argumen di atas dapat dibuktikan adanya Allah sebagai pencipta alam ini. Ia Mahakuasa dan bebas memilih serta tidak berawal dan tidak berakhir.

Bagi orang yang meyakini alam kadim, pencipta ini berfungsi mengeksistensikan wujud dari satu bentuk pada bentuk yang lain. Sementara itu, bagi orang yang meyakini alam baharu, Pencipta ini berfungsi menciptakan alam dari tidak ada menjadi ada, Pencipta (Allah) merupakan '*illat* (sebab) dan alam merupakan *ma'lul* (akibat). Antara keduanya mempunyai perbezaan yang tajam dan tidak boleh disamakan dalam berbagai aspek, seperti Allah kekal dan kaya, sedangkan alam berkesudahan dan berkehendak.

Berbeza dengan Aristoteles dan Ibnu Bajjah, Ibnu Thufail tidak hanya menggunakan argumen ini untuk membuktikan adanya Allah bagi orang yang menyakini alam kadim, melainkan juga bagi orang yang menyakini alam baharu.

Rujukan

- A. Mustofa, *Filsafat Islam*, (Bandung: CV. Pustaka Setia, 1997).
Dedi Supriyadi, *Pengantar Filsafat Islam (Konsep, Filsuf, dan Ajarannya)*, (Bandung: Pustaka Setia, 2009).
Harun Nasution, *Akal dan Wahyu dalam Islam*, (Jakarta: Universitas Indonesia, 1983)
Hasyimiyah Nasution, *Filsafat Islam*, (Jakarta: Gaya Media Pratama, 1999)
Ibnu Thufail Hayy ibn Yaqzhan, ditahkik oleh Faruq Sa'ad, (Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidat, 1974)
Majid Fakhry, *Sejarah Filsafat Islam*, (Jakarta: Pustaka Jaya, 1986).
Muhammad 'Athif Al-Iraqy, *Al-Mitafiziqi min falsafat ibn Thufail*, (Kairo: Dar Al-Ma'arif, 1979)
Mulyadhi Kartanegara, *Masa Depan Filsafat Islam*, (Jakarta: Paramadhina Press, 2006).
Sirajudin Zar, *Filsafat Islam, filosof dan filsafatnya*, (Jakarta: PT RajaGrafindo Persada, 2004).
T.J de Boer, *The History fo Philosophy in Islam*, Edisi Bahasa Inggris oleh Edward R. Jones BD.